

Headline **AgriBazaar versi 2.0**  
Date **30 Sep 2011**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **A9**  
Article Size **380 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,510**  
PRValue **22,531**



**A**GRIBazaar adalah hasil usaha sama di antara MIMOS Berhad dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ia menyediakan infrastruktur berasaskan Internet untuk pengeluar dan pembekal mempromosi dan mendagangkan semua bentuk produk hasil pertanian mereka sama ada primer mahupun asas tani.

Portal ini menyediakan infrastruktur Internet dan landasan untuk pembeli dan penjual berkumpul dan melakukan transaksi perniagaan mereka dengan pantas secara *online*.

Dengan menggunakan AgriBazaar, penjual dan pembeli akan dihubungkan secara langsung tanpa melibatkan orang tengah sekali gus membantu menghapuskan kos yang biasa dikenakan orang tengah.

Kewujudan platform ini pasti memberi impak yang besar kepada industri pertanian di Malaysia kerana ia membolehkan peruncit, pemborong, pengumpul, pengedar, petani, IKS, pengeksport, pengimport dan pembekal logistik berinteraksi dan menguruskan perdagangan pengeluaran harian pertanian secara *online*.

Pengguna juga boleh merancang usaha sama baru menerusi portal ini. Pendaftaran adalah percuma bagi semua pengguna Internet yang ingin menjadi pengguna portal.

#### Ciri-ciri utama

- **Pusat pertemuan bagi industri pertanian tempatan**

AgriBazaar mampu bertindak sebagai landasan pertemuan maya bagi para

pemain industri pertanian tempatan dari pelbagai sektor dan aliran sama ada peruncit, pemborong, pengumpul, pengedar, petani, IKS, pengeksport, pengimport dan pembekal logistik daripada sektor perikanan, tanaman, ternakan, industri asas tani mahupun hortikultur.

Ini mewujudkan peluang perniagaan yang sama rata antara pihak pembeli, penjual rakan kongsi dan juga pembekal. Peluang perniagaan baru ini mampu memberi sumbangan besar kepada pembangunan industri pertanian tempatan.

- **Transaksi langsung antara pembeli dan penjual**

Ia menjadi landasan *online* untuk transaksi langsung antara pembeli dan penjual produk-produk pertanian tanpa penglibatan orang tengah. Ini membantu menghapuskan kos tambahan yang dikenakan oleh orang tengah dan produk-produk pertanian boleh dijual dengan harga lebih rendah.

- **Transaksi bersepadu dan menyeluruh**

AgriBazaar mengintegrasikan proses transaksi *online* yang lengkap dan bersepadu bermula daripada proses pembelian hingga ke proses pembayaran. Pada masa akan datang, perkhidmatan logistik juga akan diintegrasikan melalui AgriBazaar bagi menjamin produk yang dibeli dapat dihantar dengan selamat dan cepat.

- **Maklumat belian, jualan dan lain-lain aktiviti dalam AgriBazaar**

AgriBazaar memaklumkan bakal pembeli dan penjual tentang bekalan produk baru dan sambutan pengguna terhadap produk terbabit. Para pengguna boleh meneruskan rundingan, permintaan sebut harga dan

juga tempahan secara *online*. Ia juga membolehkan pengguna mengumumkan kepada komuniti pengguna yang lain tentang tawaran-tawaran menarik yang bakal berlangsung.

- **Reka bentuk perantara yang mesra pengguna**

Dengan reka bentuk perantara yang intuitif dan juga struktur data dan maklumat teratur, AgriBazaar mampu memperkayakan pengalaman pengguna. Kelancaran penggunaan AgriBazaar boleh disesuaikan dengan kemampuan sistem komputer dan rangkaian Internet pengguna yang mana AgriBazaar menawarkan pilihan perantara grafik rendah yang lebih sesuai untuk pengguna yang menggunakan komputer spesifikasi rendah atau perkhidmatan Internet *dial-up*.

Papan Informasi AgriBazaar memaparkan maklumat asas bagi memudahkan pengurusan transaksi pembeli dan penjual. Pengguna boleh menggunakan Troli Belian untuk menguruskan pembelian produk sebelum meneruskan bayaran. Pembantu Maya dan Ikon Navigasi juga membantu memperkayakan pengalaman pengguna semasa menggunakan portal ini.

- **Ciri-ciri tambahan yang mesra pengguna**

Portal ini dilengkapi dengan ciri-ciri *online* bagi memudahkan pengurusan stok dan inventori, pengurusan pengguna, pemberitahuan berita terkini tentang produk, pengumuman dan aktiviti daripada semua pemain industri pertanian seperti agensi kerajaan atau pembekal. Selain itu, Forum dan Mesej Peribadi yang terdapat pada portal ini juga membolehkan para pengguna berbincang untuk berkongsi maklumat, idea dan pendapat.